

## Impian menjadi kenyataan



PUTERA Aiman Abdul Rashid. FOTO Facebook UiTM

**Muhammad Saufi Hassan**  
*saufi@mediaprima.com.my*

Kuala Lumpur: Menduduki tempat pertama di dalam negara dan tempat kedua di seluruh dunia dalam peperiksaan profesional sememangnya satu kejayaan yang diharapkan oleh pelajar serta penuntut.

Itu kejayaan yang diperoleh oleh penuntut berusia 19 tahun ini yang mengikuti Kursus Juruteknik Akauntan Bertauliah (CAT), Putera Aiman Abdul Rasyid.

Kursus itu dilaksanakan di bawah Jabatan Pengajian Perakaunan Profesional (DPAS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Shah Alam, Selangor.

Menceritakan semula detik manis berkenaan, Putera Aiman berkata, dia menerima e-mel daripada Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) tiga hari lalu.

"Selepas membuka e-mel itu, saya jadi tidak mampu berkata-kata hampir seminit apabila cuba untuk memahami setiap butiran di dalam e-mel berkenaan.

"Ia seolah-olah mimpi jadi kenyataan buat saya. Terkejut dan bersyukur kerana berjaya termasuk mengharumkan nama UiTM di peringkat antarabangsa.

"Untuk ujian *Maintaining Financial Records* (FA2), saya memperoleh markah ujian 98 peratus. Saya kira hanya satu saja yang salah dan ia dilaksanakan secara Peperiksaan Berasaskan Komputer (CBE)," katanya.

Katanya, ujian itu memiliki soalan berbeza di antara setiap peserta dan masa yang diberikan adalah 120 minit untuk menjawab soalan objektif.

"Setiap orang soalan berbeza, jadi memang tidak ada gunanya kalau mahu meniru. Sayang juga sebab saya hanya salah satu soalan saja, tetapi tetap bersyukur.

"Untuk teknik belajar, saya memang memberi fokus yang tinggi ketika di dalam kelas, selepas kelas saya akan buat catatan sedikit. Jika ada perkara yang saya tidak faham, saya akan rujuk kepada pensyarah, rakan-rakan atau mencari solusi di dalam Internet," katanya.

Untuk mengulang kaji pelajaran, katanya, dia lebih selesa pada waktu awal pagi dan malam kerana ketika itu keadaan tenang dan sunyi. Oleh itu, apa yang dipelajari mudah untuk faham dan diingati.

"Selalunya, saya akan tidur awal, kemudian akan bangun sekitar jam tiga atau empat pagi untuk melakukan ulang kaji," katanya.

**Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 6 Februari 2021 @ 4:52 PM**